

KL tidak takut ancaman: PM

Daripada Hishamuddin Aun

PARIS: Malaysia tidak akan tunduk kepada sebarang ancaman dalam melaksanakan misi penghantaran pasukan perubatan ke Iraq, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan memutuskan untuk menghantar pasukan perubatan itu selain mengambil bahagian dalam pembangunan semula Iraq semata-mata atas kesedaran rakyat negara itu memerlukan bantuan berkenaan.

"Tidak usahlah kita terlalu banyak membayangkan yang bukan-bukan kerana keputusan kita bukanlah untuk sebarang tujuan lain, kecuali menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan,

"Saya percaya tidak ada pun ancaman seperti diura-urakan," katanya pada sidang akhbar di penginapannya di Hotel Ritz di sini semalam, sebagai mengulas kemungkinan pasukan perubatan yang bakal dihantar nanti turut terdedah kepada serangan.

Kumpulan militan al-Qaeda dilaporkan mengeluarkan ancaman kepada mana-mana negara Islam, Malaysia tidak terkecuali, bahawa pasukan yang dihantamya ke Iraq akan berdepan risiko diserang.

Bagaimanapun, kata Abdullah, Malaysia akan memikirkan semula tarikh penghantaran pasukan perubatannya jika keadaan di Iraq benar-benar tidak memungkinkan misi berkenaan dilaksanakan.

"Jika keadaannya adalah mustahil untuk kita berbuat demikian, tentunya kita akan terpaksa menangguhkan penghantaran pasukan kita," katanya.

Kabinet baru-baru ini mempersejui langkah menghantar pasukan perubatan itu dan Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kementerian Luar akan membuat perediaan, termasuk menentukan saiznya.

Perdana Menteri berkata, saiz pasukan itu nanti akan cukup besar

untuk membolehkan kehadiran mereka dimanfaatkan.

Abdullah turut ditanya mengapa perlunya misi pasukan perubatan itu diumumkan dalam pertemuannya dengan Presiden George W Bush di Rumah Putih, Isnin lalu, sedangkan Iraq sudah mempunyai sebuah kerajaan sementara yang seharusnya dimaklumkan mengenainya.

Kepada soalan itu, Perdana Menteri menghuraikannya secara khusus. "Kami (Abdullah dan Bush) membincangkan pentingnya kesihatan bagi rakyat Iraq.

"Dalam membicarakannya, banyak perkara berbangkit, termasuk apa yang dilakukan PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) selain berkaitan dengan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam).

"Ia berlaku secara bersahaja apabila saya memaklumkan bahawa Malaysia berminat untuk menghantar pasukan perubatan ke sana (Iraq).

"Sudah tentulah kita akan mendapatkan perserujuan sepatutnya di samping meninjau prosedur yang perlu dipatuhi.

"Kita tidak boleh menyetepikan kerajaan sementara Iraq dan kita akan berurusan dengan mereka."

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut ditanya mengenai pelbagai isu, termasuk ancaman keganasan di Malaysia, hasil pertemuannya dengan Bush, keadilan yang didakwa dinafikan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, QIC dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) serta kemungkinan Malaysia mendapatkan bantuan antarabangsa untuk membendung ancaman lanun di Selat Melaka.

"Anwar sudah dibicarakan di mahkamah di samping Malaysia ketika ini berupaya meneruskan pengawasan di Selat Melaka.

"Kalau pun pada satu-satu masa kita memerlukan bantuan mana-mana negara asing untuk pengawasan perairan berkenaan, itu adalah satu keputusan yang kita sendiri akan tentukan," katanya.



ABDULLAH mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan Perancis, Nicolas Sarkozy, dan di samping hotel di Paris, semalam. Abdullah yang akan datang ke Perancis dua hari ke Perancis akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Jacques Chirac, hari ini. - Gambar AP